



Ayat Suci Minggu ini

Kisah Para Rasul 2: 42-47
Mazmur 117: 2-4, 13-15, 22-24
1 Petrus 1: 3-9
Yohanes 20: 19-31



✠
"Saya menggalakkan kamu untuk sentiasa menjadi "batu hidup dalam Gereja, untuk membangun Gereja, dengan bersatu kepada Yesus."
- Paus Fransiskus

EDARAN DALAMAN SAHAJA
BUL 15/2026

Dan kata pertama-Nya bukanlah arahan, tetapi belas kasihan: "Damai sejahtera bagi kamu." Sebelum Dia mengutus, Dia menyembuhkan. Sebelum Dia memberikan perutusan, Dia menenangkan hati mereka terlebih dahulu. Inilah rupa belas kasihan, bukan mengabaikan luka, tetapi memasuki luka itu dengan kasih.

Komuniti Kristian awal dalam Kisah Para Rasul menunjukkan kepada kita apa yang berlaku apabila belas kasihan menjadi budaya hidup. Mereka berdoa bersama, berkongsi kehidupan, memecahkan roti, dan saling menjaga antara satu sama lain. Iman bukan sahaja diajarkan, tetapi dihidupi dalam komuniti. Hal ini sangat penting bagi golongan muda pada masa kini. Ramai antara mereka berasa terasing, dihakimi, atau tertekan untuk menjadi sempurna. Mereka memerlukan komuniti tempat mereka boleh merasa diterima sebelum mereka benar-benar percaya.

Dalam Hari Belia Katholik Malaysia (MCYD), para belia berkongsi dengan sangat jujur: "Kami merindukan ruang yang selamat dalam gereja, di mana kami diterima seadanya dan di mana keraguan dapat dikongsikan tanpa rasa takut." (Sintesis MCYD, Kesejahteraan dan Rasa Memiliki Belia)

Gereja sinodal membina ruang kepercayaan. Gereja yang profetik memecahkan budaya berdiam diri dan pengecualian. Pemerksaan belia bermula apabila golongan muda merasakan, aku dikenali. Aku diterima. Aku selamat di sini.

Jika KED dan paroki menjadi tempat belas kasihan, golongan muda bukan sahaja akan terus bersama, tetapi juga akan melayani dan memimpin.

Hari Minggu Kerahiman Ilahi mengingatkan kita: Kita bukanlah gereja yang terdiri daripada orang yang sempurna, tetapi komuniti para murid yang disembuhkan dan saling menyembuhkan, bersama-sama.✠

Diterbitkan oleh: Archdiocesan Pastoral Institute (API) | Emel: api@archkl.org

NEWBEC

NEW WAY OF BEING CHURCH | Hari Minggu Kerahiman Ilahi | 12 April 2026

BERJALAN BERSAMA KE ARAH SEBUAH GEREJA SINODAL DAN PROFETIK

Umat Untuk Pemuridan Misionari

FOKUS BULANAN: MASYARAKAT: Memperkasakan Belia



Rasa Memiliki Membina Iman
Mewujudkan Komuniti di mana Belia Dapat Berkembang

Yesus yang Bangkit menampakkan diri bukan di tengah-tengah keramaian besar, tetapi dalam sebuah bilik yang dipenuhi ketakutan dan pintu yang terkunci.